

MASALAH PELAKSANAAN PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN DI INSTITUSI PEMULIHAN AKHLAK MALAYSIA

Noor Hafizah bt Mohd Haridi

Ahmad Munawar Ismail

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Modal insan atau human capital merujuk kepada modal atau apa yang dapat dikeluarkan dari seseorang insan untuk dimanfaatkan. Modal insan hanya akan menjadi asset penting bagi sesebuah organisasi dan negara sekiranya tahap kecekapan, kemahiran dan pengetahuan modal insan dibangunkan selaras dengan keperluan organisasi dan negara. Pembangunan berkaitan modal insan atau sumber manusia ini bukan sahaja penting untuk pembangunan ekonomi atau material sesebuah negara malah ia juga penting dalam memastikan kelestarian jati diri seseorang individu. Di Malaysia terdapat banyak institusi yang melaksanakan program pemulihan khususnya terhadap remaja bermasalah.. Kajian ini bertujuan mengenalpasti masalah dan cabaran pelaksanaan program pemulihan berdasarkan kepada tiga elemen utama iaitu pegangan akidah yang teguh, pengamalan kolektif akhlak mulia serta wawasan iman dan muamalah. Eleman ini penting bagi membentuk sahsiah diri seterusnya melahirkan personaliti yang baik dan mampu menghalang diri daripada terjebak dalam melakukan amalan-amalan yang bercanggah dengan syariat Islam. Metode yang digunakan dalam kajian ialah kualitatif. Hasil kajian menunjukkan terdapat permasalah dalam melaksanakan program pembangunan modal insan iaitu dari aspek

Kata kunci: Masalah, Pembangunan modal insan, program pemulihan, remaja bermasalah.

PENDAHULUAN

Masalah ditakrifkan sebagai sesuatu yang memerlukan penyelesaian atau perkara yang menimbulkan kesukaran (Noresah bt. Baharom, 2001). Dalam konteks pelaksanaan program agama ia merupakan halangan atau gangguan yang melambatkan atau

menggagalkan program berkenaan. Permasalahan dakwah ialah masalah-masalah yang wujud disebabkan oleh keadaan-keadaan tertentu yang sepatutnya tidak ada. Masalah-masalah yang dihadapi oleh dakwah masa kini iaitu (Ab.Aziz Mohd. Zin, 1997)

- a. Pendakwah
- b. Jentera dakwah atau organisasi dawah
- c. Sasaran dakwah
- d. Musuh dakwah

Bermula dari zaman Rasullullah s.a.w, Islam berhadapan dengan pelbagai ancaman, halangan, sekatan dan cabaran. Namun, dengan semangat serta keyakinan yang ada dalam kalangan pencinta dakwah. Islam terus bertapak dan mencapai kejayaan demi kejayaan. Namun, dalam fenomena tersebut Islam sentiasa berhadapan dengan pencabar-pencabarnya yang datang dari dua arah iaitu dalaman dan luaran.

Dakwah Islamiah sedang memasuki era baru peralihan zaman. Umat Islam sedang berada di dalam era yang dikenali sebagai masyarakat terbuka. Arus globalisasi dan kemajuan dalam bidang komunikasi dan teknologi maklumat menjadikan masyarakat terbuka sebagai satu realiti. Selaku pendakwah yang memikul amanah dalam menyebarkan dakwah dan seoarng Muslim yang perlu berpandangan positif.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Istilah pembangunan modal insan terbentuk dari tiga perkataan iaitu pembangunan, modal dan insan. Istilah yang terbentuk dari ketiga-tiga perkataan ini yang mewujudkan maksud sebenar konsep ini. Walaubagaimanapun, maksud atau definisi sebenar konsep ini secara umumnya adalah bermula dengan perbincangan mengenai maksud pembangunan itu sendiri.

Secara umumnya pembangunan merupakan satu proses peningkatan dari suatu keadaan kepada keadaan yang lebih baik merangkumi segala aspek sama ada kemanusiaan (keinsanan), kebendaan, keilmuan dan juga teknologi. Dalam erti kata lain, pembangunan mengandungi idea peningkatan keupayaan dan potensi apabila merujuk kepada suatu gerakan ke hadapan bermula daripada satu posisi yang lebih rendah kepada satu posisi yang lebih besar dari segi pencapaian, peluang dan manfaat. (M Noor, 2012)

Konsep pembangunan modal insan ini berkait rapat dengan konsep pembangunan manusia. Insan dan manusia mempunyai maksud yang sama. Mereka perlu dibangunkan dari kedua-dua aspek iaitu aspek fizikal dan spiritual sesuai dengan fitrah

kejadiannya bagi melahirkan kehidupan yang diredhai oleh Penciptanya iaaitu Allah SWT. (Bey Ariffin:1980:3). (Abd Jalil Borham, 2007).

Konsep pembangunan modal insan adalah sebahagian daripada konsep pembangunan insan (atau pembangunan manusia) yang lebih luas, yang telah diterima pakai oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mulai tahun 1990.Mahbub ul Haq (1995) (pakar ekonomi dari Pakistan), telah mempelopori konsep ini, dan menjelaskan bahawa ‘pembangunan manusia’ ialah pembangunan yang memusatkan manusia itu sendiri, iaitu manusia menjadi ejen pembangunan dan sekaligus menjadi matlamat akhir kepada pembangunan itu sendiri.

Pembangunan modal insan adalah pemerikasan insan sebagai individu kepada pembangunan dan sebagai kelompok /komuniti.Pembangunan modal insan sebenarnya merujuk kepada memperkasakan insan itu sendiri.(Haryati Shfii', Sharifah Meryam Shareb Musa & Zakila Abd Rahman, 2009).

Kesimpulannya konsep pembangunan ini merujuk kepada unsur terpenting yang hendak dibangunkan iaitu manusia. Membangunkan manusia bererti mempertingkatkan kualiti diri manusua sama ada dari aspek mental atau pemikiran, fizikal dan jasmani, rohani dan emosi atau jiwanya. Dalam erti kata lain manusia mestilah dibangunkan dengan sifat kemanusiaannya atau keinsanannya serta memiliki sifat yang selayaknya untuk menjalankan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. (M Noor, 2012)

PERNYATAAN MASALAH

Kajin ini bertujuan mengenalpasti masalah dalam melaksanakan program pembangunan modal insan di institusi pemulihan akhlak, Malaysia.Pelbagai program seperti vokasional, ko-kurikulum, keagamaan dan bimbingan kaunseling telah dilaksanakan untuk penghuni.Proses menyedarkan mereka daripada kesilapan lampau perlu dilakukan dengan berkesan bagi mengelakkan mereka mengulangi perkara yang sama. Kepentingan dan keperluan pembangunan modal insan ini tidak dapat dinafikan khusunya dalam program pemulihan di institusi pemulihan akhlak di Malaysia. Elemen modal insan mestilah diterapkan dalam program-program pemulihan yang dilaksanakan.Penerapan elemen ini jelasnya dapat merangsang dan membina sikap pelatih yang bukan sahaja sedar kesilapan serta kesalahan yang telah dilakukan. Malah, penerapan elemen modal insan ini dapat melahirkan individu yang menjadi Islam sebagai cara hidup yang sempurna, mempunyai jati diri dan sentiasa berusaha meningkatkan tahap keimanan dan ketaqwaan kepada Allah swt.

Islam sangat menekankan insan yang berkualiti dengan penguasaan ilmu, berfikiran luhur, bertoleransi, mempunyai daya saing dan sebagainya. Semua ciri-ciri yang dinyatakan ini merupakan sebahagian daripada unsur-unsur penjanaan modal insan. Oleh yang demikian kegagalan manusia memahami tuntutan yang terdapat dalam al-Quran dan tidak mempelajari sejarah jatuh bangun peradaban manusia pada masa silam menyebabkan manusia gagal untuk berfungsi menjadi insan kamil. Sebagaimana firman Allah swt dalam surah al-A'la:14-17

Maksudnya:

“Sesungguhnya berjayaalah orang Yang - setelah menerima peringatan itu - berusaha membersihkan dirinya (dengan taat dan amal Yang Soleh), dan menyebut-nyebut Dengan lidah dan hatinya akan nama TuhanYa serta mengerjakan sembahyang (dengan khusyuk)”.

Untuk membangunkan modal insan mengikut acuan Islam. Terdapat tiga perkara penting yang perlu menjadi fokus pemerhatian, iaitu:

1. Pegangan akidah yang teguh
2. Pengalaman kolektif akhlak mulia
3. Wawasan iman dan muamalah.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengenalpasti masalah dalam melaksanakan program pembangunan modal insan yang diterapkan dalam program pemulihan di Institusi Pemulihan Akhlak, Malaysia. Maklumat ini boleh digunakan untuk menyediakan program yang lebih sesuai dan mampu menyelesaikan permasalahan Juvana. Kajian ini dapat memberi pendedahan kepada masyarakat tentang perkembangan di pusat-pusat pemulihan seumpama ini. Kajian ini dapat meningkatkan kesedaran masyarakat setempat khususnya agar tampil memberi sumbangan kepada pelatih-pelatih di institusi ini. Kajian ini memberi kesedaran secara tidak langsung kepada individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan pemulihan pelatih agar dapat memberi sokongan kepada pelatih agar pelatih tidak mengulangi kesalahan yang sama dan dapat meningkatkan perubahan tingkah laku positif hasil daripada program pemulihan yang telah mereka jalani. Pihak sekolah boleh merujuk pada dapatan kajian ini untuk merangka program atau kaedah atau pendekatan yang terbaik yang dapat memenuhi keperluan dan mengatasi kenakalan remaja di peringkat awal. Pelatih perlu dipulihkan mengikut edaran masa dan perubahan teknologi dan sosial yang berlaku setiap saat. Program yang bakal dirancang juga dapat menghindarkan mereka daripada mengalah dengan cabaran selepas menjalani program pemulihan agar mereka tidak perlu dibimbang buat kali kedua.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan di institusi pemulihan akhlak di Malaysia. Pemilihan institusi ini bertepatan dan bersesuaian dengan tajuk kajian. Hasil kajian ini boleh digeneralisasikan kepada populasi Juvana di seluruh Malaysia. Dapatkan kajian juga sangat bergantung pada kejujuran informan di institusi. Informan terdiri daripada pegawai tertinggi, pegawai pemulihan dan pelatih atau penghuni yang terlibat dalam program pemulihan melalui temubual yang telah dilakukan.

METODOLOGI

Kajian ini bersifat deskriptif yang merupakan kajian yang dibuat berdasarkan gambaran yang telah sedia ada. Menurut Denzin dan Lincon (1994) penyelidikan kualitatif ini melibatkan kaedah secara terfokus, termasuk menggunakan pendekatan naturalistik (semula jadi) untuk menyelidik sesuatu subjek. Cresswell (1994) pula mentakrifkan bahawa penyelidikan kualitatif sebagai proses inkuiri dalam meninjau sesuatu permasalahan sosial.

Data-data dari kualitatif akan melibatkan kajian-kajian daripada sumber-sumber perpustakaan termasuk penelitian dokumen-dokumen yang berkaitan, temubual dan pemerhatian. Oleh itu kajian ini menggunakan kajian tinjauan yang bertujuan untuk mengkaji perlaksanaan modal insan melalui program pemulihan di institusi pemulihan akhlak di Malaysia. Seramai 21 orang informan terlibat dalam kajian ini melibatkan 2 orang pegawai tertinggi, 3 orang pegawai pemulihan dan 15 orang penghuni atau pelatih.

DAPATAN KAJIAN

Dalam setiap pelaksanaan program oleh mana-mana pihak, pastinya mengharapkan kelancaran dan kejayaan. Namun begitu kita tidak dapat mengelak dari wujudnya pelbagai masalah yang sering terjadi dalam setiap perlaksanaan program sama ada di badan-badan NGO, badan-badan swasta dan jabatan kerajaan. Menurut Kamus Dewan, masalah membawa pengertian sesuatu yang memerlukan penyelesaian perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran. (Hajah Noreshah Hj Baharom, 2007) . Berdasarkan kepada analisis temubual yang telah dijalankan bersama informan terdiri dari pegawai tertinggi institusi, pegawai pelatih dan pelatih institusi. Terdapat beberapa masalah yang telah dikenalpasti dalam melaksanakan program pembangunan modal insan di institusi pemulihan akhlak di Malaysia. Kebiasaannya masalah berpunca daripada beberapa faktor. Antara faktor-faktornya ialah seperti berikut:

Masalah Dalam Perlaksanaan Program

Dalam setiap pelaksanaan program oleh mana-mana pihak, pastinya mengharapkan kelancaran dan kejayaan. Namun begitu kita tidak dapat mengelak dari wujudnya pelbagai masalah yang sering terjadi dalam setiap perlaksanaan program sama ada di badan-badan NGO, badan-badan swasta dan jabatan kerajaan. Menurut Kamus Dewan, masalah membawa pengertian sesuatu yang memerlukan penyelesaian perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran.(Hajah Noreshah Hj Baharom (2007), Kamus Dewan,4.Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka) Kebiasaannya masalah yang melanda itu berpunca daripada beberapa faktor. Antara faktor-faktornya ialah seperti berikut:

Masalah Dalam Aspek Pengurusan

Kelancaran perjalanan sesuatu program juga bergantung kepada kecekapan pihak pengurusan mengatur dan merancang pergerakan program tersebut dari peringkat awal.Sekiranya pengurusan dijalankan dengan baik dan terancang pastinya dapat memberikan kesan yang positif terhadap program-program yang dijalankan.Namun begitu kepincangan dalam pengurusan pengendalian program ini seringkali berlaku dan menjadi penyebab timbulnya masalah dalam perlaksanaan sesuatu program.Antara masalah yang timbul dalam pengurusan ini ialah, kekurangan tenaga mahir yang komited yang dapat mengendalikan program dengan baik. Hal ini disebabkan sikap meletakkan bebanan kerja kepada seseorang individu yang sama dalam mengendalikan sesuatu program.

Berdasarkan hasil temubual mendapati “Kebanyakkan pegawai pembimbing terdiri daripada mereka yang tidak berlatar pendidikan yang tinggi. Kelayakkan adalah berkelulusan SPM, STPM dan STAM.Bahkan sekalipun mereka mempunyai pengetahuan agama yang cukup akan tetapi ilmu kemahiran pengurusan manusia tidak didedahkan menyebabkan susah untuk mempelbagaikan pendekatan dalam memulihkan penghuni”.(PG 1: 1270, PG 3: 1472-1479):

“gred 17& 19 terpaksa menjalankan pelbagai tugas bukan sekadar mengajar tetapi terpaksa menjadi penggerak kepada program yang dirancang. Sekalipun ada dikalangan mereka yang mempunyai ijazah sarjana muda”.PG(255,275):

Situasi ini terjadi disebabkan sikap sesetengah kakitangan yang mengelak daripada terlibat dalam mengendalikan suatu program terutamanya di musim cuti atau hujung minggu.Pihak penganjur tidak dapat mengelak terpaksalah menggunakan sumber

tenaga yang kurang mahir agar program yang dianjurkan tidak terbengkalai. Hasil temubual informan mendapati:

“Pegawai agama yang masuk mengajar hanya memiliki pengetahuan tetapi kurang kemahiran dalam mendidik atau mengajar contohnya tiada kemahiran berkaitan pedagogi dan psikologi”.INS I(PG 1:1267-1273, 1281-1284, PG 2: 1344-1436)

“Ada dikalangan tenaga pengajar tidak mempelbagaikan pendekatan dalam sistem pembelajaran menyebabkan pelajar cepat bosan dan sebagainya. Pegawai JKM juga menekankan bahawa elemen pertama apabila kita berada di institusi pemuliharan adalah kesabaran dan memahami wakta manusiaINS II(169, 276-279).”.

“Tenaga pengajar perlu mempertingkatkan kemahiran diri dalam menghadapi pelajar yang pelbagai karenah”.INS III (PI: 1467-1471)

Keadaaan sebegini menyebabkan program yang dianjurkan tidak menepati matlamat program. Masalah tidak sahaja terhenti di situ. Bahkan menimbulkan permasalahan seterusnya iaitu dari aspek program. Hal ini kerana tenaga kurang mahir pastinya terpaksa kerapkali menggunakan pendekatan dan modul yang sama berulangkali sebagaimana sebelumnya. Walaupun sasaran dan suasana tempat yang berbeza. Hal ini terjadi disebabkan kurangnya kepakaran dalam pengendalian tersebut. Akhirnya program yang dianjurkan tidak mendapat sambutan. Bukankah keadaan sebegini akan merugikan kedua-dua pihak sama pihak pengajur maupun peserta. Oleh itu seharusnya dalam pengurusan yang baik, masalah ini diatasi dan tidak dibiarkan berlanjut serta disediakan tenaga mahir yang berkelayakan untuk melaksanakan program tersebut.

Masalah Dalam Aspek Kakitangan

Sumber tenaga manusia atau tenaga kerja juga amat penting dalam perlaksanaan sesebuah program. Kakitangan atau tenaga kerja dalam sesebuah organisasi amat penting sebagai nadi peneraju penggerak sesuatu program.95 (Ab.Aziz Mohd Zin et al. (2006), Dakwah Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h.286). Tanpa mereka amatlah sukar program yang dirancang oleh sesebuah organisasi itu bergerak. Namun begitu masalah yang sering timbul dari aspek kakitangan ini biasanya masalah kekurangan kakitangan atau sumber tenaga manusia dalam melaksanakan program. Sebagaimana hasil temubual

“masalah paling utama adalah kekurangan tenaga dan juga masa. Menurut pegawai yang ditemuramah menyatakan bahawa JPA takkan menambahkan staff bahkan mengurangkan. Hal ini menyebabkan timbul isu “staffing” yang memberikan masalah kepada bilanya staff cuti menyebabkan tiada ganti maupun masalah teknikal maupun peribadi yang lain sehingga tiada shift dan sebagainya. Sekalipun ada sesetengah tempat mempunyai tenaga pengajar sambilan yang hanya datang bertujuan untuk

mengajar pada masa yang ditetapkan. Bahkan tidak ditambah staff seinggakan boleh mencecah kepada hampir 2 tahun. PG.INS.1 (110, 207, 210, 120, 121, 210, 264, 269)

“ hanya terdapat seorang sahaja guru agama yang merangkap warden dalam memantau penghuni di institusi sekalipun mereka mempunyai tenaga sambilan yang ramai dengan bantuan juruwat dan guru agama sambilan dari luar akan tetapi jika berlaku sebarang kejadian yang harus mendapat keputusan dari staff tetap menyebabkan masalah lain yang tidak dijangka boleh timbul apatah lagi sewaktu staff itu cuti. Perkara ini turut terkesan kepada non-muslim yang tidak mempunyai guru dalam membimbang kepada pendidikan moral mereka. Ini disokong oleh penghuni dengan menyatakan :”Pegawai kadang-kadang tak cukup, kadang-kadang seorang kerja dua orang kerja. Kadang tengok kesian juga” (PL: 459).

“kekurangan kakitangan merupakan salah satu punca bahawa banyak program tidak dapat dijalankan. Jika diminta pun tidak akan dapat”. INS III(PI: 381, 1400, 1629) INS I (PG3: 410-412): Program fardhu ain serta program kerohanian yang lain seperti halaqah tidak dapat dijalankan disebabkan tidak mempunyai tenaga kerja yang mencukupi. Jawatan yang terhad dan kekurangan anggota punca utama gerak kerja tidak dapat dijalankan (PG 3: 462-463).

Hal ini disebabkan bebanan kerja yang hanya tertumpu kepada tenaga tertentu sahaja. Keadaaan sebegini sering berlaku dalam organisasi yang kurang mempunyai kakitangan. Tambahan pula dengan tugas rutinan harian sedia ada menyebabkan tenaga kerja tidak dapat memberikan tumpuan yang sebaiknya dalam mengadakan satu-satu program. Akibatnya program tidak dapat dirancang dengan baik dan sempurna. Hasilnya nanti menyebabkan program yang diadakan itu kurang berkualiti. Ia diadakan sekadar melengkapi jadual perancangan organisasi yang dibuat pada awal tahun.(Mohd Idris Jauzi, 1993)

Masalah Dalam Aspek Kewangan

Kewangan juga merupakan salah satu faktor yang menentukan sama ada sesuatu program yang dirancang dapat dilaksanakan atau tidak. Hal ini kerana sering kali didapati kelancaran perjalanan sesuatu program itu terbantut disebabkan kurangnya sumber kewangan. Apabila ini terjadi pastinya sesuatu program itu terpaksa ditunda dan tidak dapat dilaksanakan sehingga tahap kewangan kembali kukuh. Hasil temubual mendapati

“Peruntukan dan peralatan yang terhad. Untuk tujuan yang lebih kondusif diperlukan terutama untuk kelas-kelas akademik dan kemahiran. Peruntukkan yang banyak juga

diperlukan untuk pelaksanaan dan penganjuran program-program yang lebih berkesan”.INS I(PG 3:1484)

“Hal ini diakui sendiri oleh pihak institusi berkenaan peruntukkan kepada setiap institusi yang berlainan jumlah dan kebanyakannya permohonan peruntukkan untuk sesuatu program ditolak”.PG I (120, 128, 249):

“Kebanyakkan program tidak dapat dirancangkan adalah disebabkan kewangan” . AABB PI (809):

“Menurut pegawai STB KK peruntukkan dana diberi sangat sedikit dan terpaksa mengambil pendekatan yang lain seperti mencari dana melalui mana yayasan untuk diberikan sedikit sumbangan bagi kewangan STB sendiri.INS II(PI: 1655-1661):

. Walaupun begitu keadaan ini tidak seharusnya menjadi halangan pihak organisasi untuk mengendalikan sesuatu program.Oleh itu perancangan dan pengurusan yang bijaksana diperlukan agar permasalahan kewangan yang seringkali berlaku dapat diselesaikan dengan baik.

KESIMPULAN

Di akhir ini dapat difahami bahawa pembangunan dari kaca mata sarjana Barat dan sarjana Islam.Konsep pembangunan daripada sarjana Barat mengutamakan pembangunan fizikal sahaja tanpa mempedulikan aspek kerohanian. Mereka hanya berpegang terhadap perspektif itu dan tidak menerima pendapat lain. Wahal apa yang mereka pegang itu ternyata konsepnya bersifat longgar, abstrak dan mengikut perkembangan semasa serta bergantung kepada permasalahan dalam kehidupan yang dialami oleh sesebuah masyarakat dan negara pada suatu zaman. Konsep sebegini jauh berbeza dengan konsep yang dipegang oleh sarjana Islam.Hal ini kerana konsep pembangunan dalam Islam mengutamakan pembangunan manusia yang menjadi penggerak kepada berlakunya pembangunan. Dasar perlumbangannya berpandukan kepada al-Quran dan sunnah yang bersesuaian untuk sepanjang zaman dan menepati keperluan manusia. Oleh kerana itu, kerajaan merasakan masyarakat Islam di Malaysia perlu diperkuatkan kembali melalui pemerkasaan manusia itu sendiri.

Justeru itu timbul satu gagasan untuk melaksanakan program pembangunan modal insan.Satu dasar yang ingin memperkasakan kembali masyarakat Malaysia dan khususnya umat Islam dengan membangunkan keseluruhan aspek kemanusiaan dengan fizikal mental dan spiritual tanpa mengetepikan nilai-nilai murni.Tidak seperti pembangunan yang dilakukan sebelum ini yang hanya mementingkan aspek fizikal sahaja. Agenda ini merupakan satu hasrat murni yang akan memberikan manfaat kepada seluruh masyarakat Malaysia.

RUJUKAN

Al-Quran

Hajah Noresah bt Baharom (2015), Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Che Bakar Che Mat et.al (2007), Pembangunan Dari Perspektif Islam. Shah Alam: Pusat

Penerbitan Universiti (UPENA).

Faudzinain Badaruddin (2006), “Pembangunan Ummah: Relevansi Peranan Tasawuf dalam Konteks Moden”, dalam Ahmad Sunawari Long dan Zul’azmi Yaakob (eds), Budaya dan Pemikiran Islam Mesir-Malaysia, Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.

Muhammad Syukri Salleh (1987), Pembangunan Berteraskan Islam, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Fariza Md Sham dan Idris Zakaria (2006), “Peranan Dakwah Dalam Pembangunan Modal Insan: Pembinaan Peradaban Masyarakat Islam di Malaysia,”. Dewan Kuliah Utama, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Zainudin Sharif & Nirazmah Mohamad Roslan (2011), Faktor-faktor yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Universiti Teknologi Mara (Melaka) & Fakulti Pengurusan Universiti Teknologi Malaysia (Johor).

Dr. Tengku Elmi Azlina Tengku Muda, Dr. Nor ‘Adha binti Abdul Hamid, Azizah binti Mat Rashid, Norul Huda binti Bakar & Norashikin binti Azmi (2015), Kesalahan akhlak dan perkaitannya dengan faktor kematangan, kerohanian dan kesedaran kendiri individu. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) & Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Noor Shakirah Mat Akhir & Muhammad Azizan Sabjan (2014), Pembangunan Modal Insan Dari Perspektif Kerohanian Agama: Islam Sebagai Fokus. Pusta Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Fadilah bt Mohamad Nawawi (2012), Masalah Gejala Sosial Remaja di Salah Sebuah Daerah Negeri Sembilan. Ijazah Sarjana Muda Teknologi. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.

Fatimah binti Ali (2007), Masalah Sosial Pelajar dan Hubungannya dengan Kemerosotan Pembelajaran. Sarjana Muda. Akademi Pengajian Islam, Nilam Puri. Universiti Malaya.

Noor Hafizah bt Mohd Haridi & Dr. Fakhrul Adabi bin Abd Kadir (2015), Program

Agama di Institusi Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Analisis Permasalahan. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Islam Antarabangsa Selangor & Universiti Malaya.

Rohayati binti Derani (2004), Persepsi Ibu Bapa Terhadap Faktor-Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Masa Kini: Satu Tinjauan di Taman Aman Anak Bukit, Alor Setar Kedah. Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam).Universiti Teknologi Malaysia.

Syarifah (2011), Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pembentukan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Umum (SMU) di Kota Medan. Sarjana Muda. Universiti Utara Malaysia Kedah Darul Aman.